

MPC (CRO)800-1(2020)

7 Disember 2020

**Encik Syukri Hadafi Hamdan**

Gemba Solution Enterprise

Level 11, Menara KEN TTDI

No. 37, Jalan Burhanuddin Helmi,

TTDI 60000 Kuala Lumpur.

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI KOORDINATOR UNTUK MELAKSANAKAN ENAM (6) SIRI PROGRAM *PRODUCTIVITY WEBINAR***

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas. Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan kertas cadangan dan sebut harga perkhidmatan yang ditawarkan dari pihak Tuan yang bertarikh 4 Disember 2020.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui Bahagian Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS) telah bersetuju untuk melantik **Gemba Solution Enterprise** sebagai Penyelaras Program bagi melaksanakan program seperti dinyatakan di atas dengan jumlah keseluruhan bayaran sebanyak **RM10,200.00 untuk enam (6) siri Webinar**. Bagi tujuan ini, pihak Tuan adalah tertakluk kepada skop penugasan seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Menguruskan pelantikan penceramah dan moderator yang terlibat bagi setiap siri program;
2. Penyediaan platform;
3. Penyediaan topik saranan;
4. Pelaksanaan promosi untuk mendapatkan peserta;
5. Pelaporan program dan perkara yang berkaitan dengan jayanya.
6. Pelaksanaan Program adalah untuk sepanjang bulan Disember 2020 sahaja.

3. Sekiranya pihak tuan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Akuan Setuju Terima kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan tuan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

4. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak Tuan dalam menjayakan **PROGRAM PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK PRODUCTIVITY MELALUI WEBINAR** nanti dapat memberikan manfaat kepada semua peserta yang menyertai sesi tersebut dan terus produktif melalui perubahan landskap baharu industri di Malaysia.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ROSMI ABDULLAH)**

Pengarah

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

MPC(CRO)800-1(2020)

Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia  
P.O. Box 64, Jalan Sultan  
46904 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan.  
**(U.P.: Encik Rosmi Abdullah)**

Tuan,

**AKUAN SETUJU TERIMA PELANTIKAN SEBAGAI KOORDINATOR UNTUK  
MELAKSANAKAN ENAM (6) SIRI PROGRAM *PRODUCTIVITY WEBINAR***

Saya \_\_\_\_\_ mewakili pihak syarikat, **GEMBA  
SOLUTION ENTERPRISE** No. K/P: \_\_\_\_\_ dilantik sebagai  
koordinador untuk melaksanakan enam (6) siri Program *Productivity Webinar* dengan  
jumlah keseluruhan bayaran sebanyak **RM10,200.00**. Saya memahami dan akan  
mematuhi pelaksanaan khidmat perundingan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh  
MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam  
spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan perlantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....